



GEMBIRA ... pasukan UMS bergambar dengan CB Soon dan Dato' Radin Umar selepas dinobatkan menjuarai pertandingan itu.

UMS juara Pertandingan Kereta Pintar Freescale 2010

BANGI (Selangor): Dua pasukan dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengharumkan nama universiti mereka apabila muncul sebagai juara dan naib juara dalam Pertandingan Kereta Pintar Freescale 2010 di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, kelmarin.

Mereka memperlihatkan kemahiran kejuruteraan elektronik dan elektrik yang mengagumkan untuk menewaskan 26 pasukan lain daripada 12 universiti awam dan swasta yang turut serta.

Kedua-dua pasukan mendahului dalam perlumbaan yang sangat sengit, dengan Pasukan UMS A mencatatkan 30.54 saat di garisan penamat trek berkeluk-liku sepanjang 90 meter yang direka bentuk khas untuk menyerupai bentuk muka planet Mars. Sementara itu, Pasukan UMS B menamatkan perlumbaan di tempat kedua dengan jarak masa yang dekat iaitu 33.56 saat.

Sebagai ganjaran yang layak dimenangi juara, Pasukan UMS A menerima hadiah tunai sebanyak RM5,000 berserta trofi, manakala rakan seperjuangan mereka, Pasukan UMS B membawa pulang wang tunai RM3,000 dan trofi sebagai naib juara.

Di samping itu, Pasukan Supernova daripada Monash University memenangi tempat ketiga dan menerima hadiah tunai RM1,500 berserta trofi. Pasukan ini juga membawa pulang Anugerah Reka Bentuk Terbaik yang menawarkan hadiah tunai RM500. Rakan seuniversiti mereka, Pasukan Technophobe pulamemenangi Anugerah Laporan Teknikal Terbaik dengan hadiah tunai sebanyak RM500.

Bertemakan "Pecut ke Mars",

Pertandingan Kereta Pintar Freescale 2010 diadakan buat kali kedua berikutan kejayaan anjuran sulungnya pada 2008. Pertandingan ini dianjurkan bersama oleh Institut Jurutera Elektrik dan Elektronik (IEEE) – Bahagian Malaysia, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Ketua Pengarah Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Radin Umar, yang mewakili Menterinya, merasmikan majlis penutup dan menyampaikan hadiah dan anugerah kepada pemenang. Pengurus negara dan pengarah urusan Freescale Malaysia, CB Soon serta pegawai kanan UKM dan IEEE Bahagian Malaysia turut hadir.

Sejumlah 80 peserta, dengan setiap pasukan dianggotai tiga pelajar, mengambil bahagian dalam satu-satunya pertandingan kereta pintar seperti ini yang dijayakan di Malaysia.

Setiap pasukan telah menghadiri bengkel pada bulan Julai tahun ini dan diberi kit kereta pintar tajaan Freescale untuk membina kereta pintar masing-masing. Mereka diajar mengenai ciri terbitan rangkaian S12, diperkenalkan kepada penyepaduan modul S12 MCU, termasuk ciri kelebihan dan butiran bagi setiap modul yang wujud dalam S12 MCU. Tambahan lagi, mereka dibimbing untuk menerokai asas seni bina dan model pengaturcaraan untuk peranti ini.

Matlamat pertandingan adalah untuk mendedahkan dan membolehkan pelajar kejuruteraan elektrik dan elektronik lebih memahami penggunaan Microcontroller; membangunkan Kereta Pintar generasi akan datang

dan memberi peluang untuk berkongsi pengetahuan dengan universiti lain.

Dalam ucapan penutupnya, pengurus negara dan pengarah urusan Freescale Malaysia, C B Soon, berkata pertandingan itu adalah sebahagian daripada usaha perhubungan masyarakat syarikatnya untuk mencungkil dan memupuk bakat kejuruteraan yang muda dalam industri elektronik automotif.

"Seperti yang disarankan oleh tema pertandingan, pelajar kejuruteraan hari ini mesti mengikuti perkembangan terkini dan trend pantas berubah dalam industri elektronik automotif. Kami percaya pertandingan ini boleh membantu mengilhamkan inovasi di kalangan pelajar kejuruteraan yang terbaik dan mencungkil lebih banyak bakat kejuruteraan untuk industri bagi mengekalkan kelebihan daya saing dan status perintis di seluruh dunia," katanya.

Freescale menjayakan usaha serupa di Korea sejak 2003, di China sejak 2006, dan India pada tahun ini.

Freescale ialah pembekal semikonduktor automotif No.1 dengan pengalaman menjangkau lebih 30 tahun dalam industri automotif. Sensor, produk analog dan rangkaian MCU 8, 16 dan 32 bit Freescale menyediakan kepintaran dan kesalinghubungan bagi bidang keselamatan lanjutan, elektronik badan, casis, kawalan enjin, rangkaian kuasa, maklumat pemandu dan telematik. Freescale ialah perintis dalam teknologi FlexRay™ dan merupakan pembekal pertama menyepadukan CAN, LIN™ dan teknologi memori flash bagi MCU automotif.